

KERANGKA PROGRAM KOLEJ VOKASIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

JENIS PROGRAM KOLEJ VOKASIONAL KPM

1.0 Terdapat dua jenis program yang ditawarkan di Kolej Vokasional iaitu :

1.1 Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM)

1.2 Program Apprenticeship KPM

Gambarajah 1.0 menerangkan program Diploma Vokasional Malaysia dan program Apprenticeship Kolej Vokasional serta cadangan akreditasi dan pengiktirafan

PROGRAM KOLEJ VOKASIONAL PERSIJILAN DAN PENGIKTIRAFAN				
TAHAP MQF	TAHUN	PROGRAM/ TEMPOH	KOMPONEN UTAMA	PENGIKTIRAFAN/ AKREDITASI
4	3 & 4	DIPLOMA VOKASIONAL (2 TAHUN 3 BULAN)	Modul Teras/ Kemahiran Insaniah (20%) Modul Vokasional (80%) On Job Training Production Based Education School Enterprise Kemahiran Keboleherjaan Kokurikulum	MQA, JPK, JPA Badan Persijilan Lain seperti C&G, TWI, LCCI dan sebagainya Sijil Employability Skills (Antarabangsa)
	1 & 2	PROGRAM PERSEDIAAN PRA-DIPLOMA (SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA) (2 TAHUN)	Modul Teras Akademik (30%) Modul Vokasional (70%) Kemahiran Kobolehkerjaan	Lembaga Peperiksaan, JPK, JPA, Badan Persijilan Lain Sijil Penyetaraan B.Melayu SPM
	1 & 2	Program Apprentis (SLDN)	Akademik (30%) SKM/Sijil Industri (70%)	Lembaga Peperiksaan, JPK, JPA

Gambarajah 1.0 : Program Kolej Vokasional - Pra-Diplona, Diploma Vokasional Malaysia dan Program Apprenntis

PROGRAM DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA

2.0 Program Sepenuh Masa Diploma Vokasional Malaysia

2.1 Program Diploma Vokasional Malaysia dilaksana selama 4 tahun 3 bulan merangkumi program Pra-Diploma atau Sijil Vokasional Malaysia selama dua (2) tahun dan program Diploma Vokasional Malaysia selama dua (2) tahun dan tiga (3) bulan.


2.2 Program Pra-Diploma atau Sijil Vokasional Malaysia

Murid yang memenuhi syarat mendapatkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) akan dianugerahkan SVM oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Murid yang tidak memenuhi syarat penganugerahan SVM boleh diberi peluang untuk memenuhi keperluan persijilan Jabatan Pembangunan Kemahiran

2.3 Program Diploma Vokasional Malaysia

Murid yang memenuhi syarat mendapatkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) akan dianugerahkan DVM oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Murid yang tidak memenuhi syarat penganugerahan DVM boleh diberi peluang untuk memenuhi keperluan persijilan Jabatan Pembangunan Kemahiran

2.4 Keterangan program Pra-Diploma/Sijil Vokasional dan proram Diploma Vokasional Malaysia ditunjukkan di dalam Gambarajah 2.0



Gambarajah 2.0 : Program Sijil dan Diploma Vokasional Malaysia

3.0 Definisi Diploma Vokasional Malaysia

3.1 Diploma Vokasional Malaysia (DVM) merupakan satu program pendidikan vokasional peringkat diploma yang dibangunkan untuk murid yang mempunyai minat dan kecenderungan terhadap kemahiran vokasional bagi membangun dan mengemas kini kemahiran dan pengetahuan untuk diaplikasikan di alam pekerjaan.

- 3.2 DVM juga disediakan untuk menangani isu spesifik dan keperluan segera sumber manusia dalam sektor industri yang tidak diberi perhatian dalam pendidikan aliran akademik.

4.0 Kumpulan Sasaran

- 4.1 Pelajar yang ditawarkan program Diploma Vokasional Malaysia hendaklah menjalani program Pra-Diploma atau program Sijil Vokasional Malaysia (SVM) selama dua (2) tahun.
- 4.2 Pelajar yang layak mengikuti program Pra-Diploma adalah lepasan Penilaian Menengah Rendah pada tahun sebelumnya dengan mendapat kelulusan minimum berdasarkan bidang yang dipohon
- 4.2 Pelajar yang layak mengikuti program DVM adalah untuk lepasan program Pra-Diploma Kolej Vokasional KPM yang mencapai Purata Nilai Gred Terkumpul (PNGK) 2.0 ke atas **dan** lulus Bahasa Melayu dengan gred minimum 2.0, kompeten dalam semua modul vokasional Tahap 1 dan Tahap 2 dengan mencapai gred minimum 2.67 bagi semua modul vokasional dan kompeten dalam semua modul *Employability Skills*.

KURIKULUM STANDARD KOLEJ VOKASIONAL (KSKV)

5.0 Kurikulum Sijil Vokasional Malaysia

- 5.1 Kurikulum yang digunakan bagi program SVM ialah Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang terdiri daripada komponen akademik dan komponen vokasional dengan nisbah 30 : 70.
- 5.2 Komponen akademik bagi program SVM merangkumi modul teras akademik merangkumi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam/Moral.
- 5.3 Pelaksanaan kokurikulum juga dilaksana di peringkat SVM.
- 5.4 Komponen vokasional pula merangkumi modul yang berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard – NOSS*) yang ditetapkan oleh industri dan aras pembelajarannya menepati keperluan Kerangka Kelayakan Kemahiran Tahap 1 hingga Tahap 2 yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM). (Rujuk Lampiran 1)
- 5.5 Kurikulum Sijil Vokasional Malaysia juga mengandungi modul-modul *Employability Skills* yang dilaksana di dalam semester pendek Tahun 1 dan Tahun 2


6.0 Kurikulum Diploma Vokasional Malaysia

- 6.1 Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) bagi program DVM terdiri daripada komponen akademik dan komponen vokasional dengan nisbah 20:80
- 6.2 Komponen akademik bagi program DVM merangkumi modul insaniah yang terdiri daripada modul-modul wajib yang menjurus kepada penguasaan *soft skills* dalam bidang tertentu termasuklah pelaksanaan kokurikulum
- 6.3 Penguasaan bahasa antarabangsa utama seperti Bahasa Cina dan Arab juga diambil kira dalam komponen ini.
- 6.4 Komponen vokasional merangkumi modul yang berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard – NOSS*) yang ditetapkan oleh industri dan aras pembelajarannya menepati keperluan Kerangka Kelayakan Kemahiran Tahap 3 hingga Tahap 4 yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM). (Rujuk Lampiran 1)
- 6.5 KSKV juga memberi fokus kepada elemen *Production-Based Education (PBE)*, *Competency-Based Education (CBE)* dan *On-Job-Training (OJT)*. Elemen tersebut membolehkan murid KV mempunyai pendedahan kepada realiti alam pekerjaan seterusnya berpeluang memenuhi permintaan dalam pasaran kerja. Konsep *School Enterprise* juga diberikan penekanan kepada murid KV sebagai persediaan sekiranya mereka ingin menceburi bidang keusahawanan atau berdikari dengan bekerja sendiri.



Gambarajah 6.0 : Kurikulum Diploma Vokasional Malaysia

- 6.6 Sistem kredit yang digunakan bagi program DVM merujuk kepada sistem kredit *Malaysian Qualification Framework (MQF)* iaitu 1 jam kredit bersamaan dengan 40 jam waktu pembelajaran nosional
- 6.7 Jam bergraduasi bagi DVM adalah mengikut keperluan MQF iaitu sekurang-kurangnya 90 kredit bersamaan dengan 3600 jam beban pembelajaran dalam tempoh dua (2) tahun tiga (3) bulan.
- 6.8 Gambarajah 6.0 dan Gambarajah 6.1 menerangkan konsep kurikulum Diploma Vokasional Malaysia dan Sijil Vokasional Malaysia



Gambarajah 6.1 : Konsep Kurikulum Diploma Vokasional Malaysia

7.0 Kaedah Pentaksiran dan Penilaian DVM

- 7.1 Penilaian program DVM menggunakan kaedah Pentaksiran Sistem Semester yang terdiri daripada dua bahagian iaitu Pentaksiran Berterusan (PB) dan Pentaksiran Akhir (PA) .
- 7.2 Pentaksiran bagi komponen akademik adalah 50% adalah PB dan 50% adalah PA manakala bagi komponen vokasional pula 70% adalah PB dan 30% adalah PA.
- 7.3 Contoh PB yang dicadangkan adalah seperti di bawah:

- kuiz
- ujian/ujian amali
- pembentangan
- projek/penyelidikan/laporan
- portfolio

7.4 Kaedah penilaian lain juga boleh digunakan sekiranya ianya dapat membantu penilaian pencapaian hasil pembelajaran khususnya bagi hasil pembelajaran yang memerlukan pemerhatian dan tidak boleh diuji dalam peperiksaan.

7.5 Gambarajah 7.0 menerangkan sistem pentaksiran program DVM



Gambarajah 7.0 : Pentaksiran Diploma Vokasional Malaysia

7.6 Gambarajah 7.1 menunjukkan contoh penyata keputusan pentaksiran Kolej Vokasional yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan.

CANTOH KEPUTUSAN PELAJAR KV

LEMBAGA PEPERIKSAAN BEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

KEPUTUSAN PENYAHARAN KOLEJ VOKASIONAL SEMESTER 2 TAHUN 2012

PENGARAH PEPERIKSAAN

TARIKH : 21 Januari 2013

Slip ini adalah arahan komputer. Berhenti jika diperlukan.

KOD	MATA PELAJARAN/MODUL	JAM KREDIT	GREDS	NILAI MATA	NILAI GREDS	PENCAPAIAN / TAHAP KOMPETENSI
A01200	BAHASA MELAYU	2.0	B	3.00	6.00	KEPUJIAN
A02200	BAHASA INGGERIS	1.0	C	2.00	2.00	LULUS
A03200	MATHEMATICS	1.0	B	3.00	3.00	KEPUJIAN
A04200	SCIENCE	1.0	B	3.00	3.00	KEPUJIAN
A05200	SEJARAH	1.0	B	3.00	3.00	KEPUJIAN
A06200	PENDIDIKAN ISLAM	1.0	A-	3.67	3.67	CEMERLANG
FPK201	PENGURUSAN KEWANGAN DAN KEPENGGUNAAN	1.0	A-	3.67	3.67	KOMPETEN BAIK
MTA201	SISTEM PENGHANTARAN MANJAL 1	2.0	A-	5.67	7.34	KOMPETEN BAIK
MTA202	SISTEM BREK 1	2.0	A-	3.67	7.34	KOMPETEN BAIK
MTA203	SISTEM STERENG 1	1.0	A-	3.67	3.67	KOMPETEN BAIK
MTA204	SISTEM GANTUNGAN 1	2.0	A-	3.67	7.34	KOMPETEN BAIK
MTA205	PENYAMPAIAN UDARA KENDERAAN 1	1.0	A-	3.67	3.67	KOMPETEN BAIK
MTA206	LUNGAN TEKNIK 1	2.0	B+	3.33	6.66	KOMPETEN

Gambarajah 7.1 : Contoh Keputusan Pentaksiran Kolej Vokasional Malaysia

8.0 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kolej Vokasional

8.1 Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah terdiri daripada:

- Kuliah
- Tutorial
- Projek
- Praktikal / amali
- *Problem-Based Learning* (PBL)
- e-Pembelajaran

8.2 Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lain serta bersesuaian juga boleh digunakan sekiranya ianya dapat membantu pencapaian hasil pembelajaran.

SISTEM PEMBELAJARAN PROGRAM DVM

9.0 Sistem pembelajaran di Kolej Vokasional adalah menggunakan sistem semester.

- 9.1 Terdapat dua semester biasa (*regular semester*) pada setiap tahun pengajian
- 9.2 Pra-Diploma/SVM dilaksana pada semester 1 hingga semester 4
- 9.3 Program DVM dilaksana pada Semester 5 hingga semester 8
- 9.4 Tahun 1 mengandungi satu semester pendek
- 9.5 Tahun 2 dan Tahun 3 mengandungi dua semester pendek setiap tahun
- 9.6 Tahun 4 mengandungi satu semester pendek
- 9.7 Semester Pendek Tahun 1 dan Tahun 2 diisi dengan pelaksanaan modul *Employability Skills* Tahap1 dan 2
- 9.8 Semester Pendek Tahun 3 dan Tahun 4 diisi dengan pelaksanaan program Projek Pelajar (*Student Project*)
- 9.9 Latihan Praktikal (On Job Training) di industri berlaku selama 3 bulan selepas Tahun 4
- 9.10 Terdapat dua bentuk cuti di dalam sistem semester Kolej Vokasional iaitu cuti pertengahan semester dan cuti antara semester. Tempoh cuti adalah berdasarkan Takwim Pengajian Kolej Vokasional yang dikeluarkan pada setiap tahun.
- 9.11 Gambarajah 9.0 menerangkan pelaksanaan Sistem Semester Kolej Vokasional

SISTEM SEMESTER KOLEJ VOKASIONAL

TAHUN	SISTEM 4 TAHUN	
	TAHAP	SEMESTER
	OJT	LATIHAN AMALI DI INDUSTRI (OJT) 12 MINGGU
TAHUN 4	TAHAP 4 (DVM)	Semester 8
		SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
		Semester 7
TAHUN 3	TAHAP 3 (DVM)	SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
		Semester 6
		SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
TAHUN 2	TAHAP 2 (SVM)	SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 2 (3-4 MINGGU)
		Semester 4
		SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 2 (3-4 MINGGU)
TAHUN 1	TAHAP 1 (SVM)	Semester 3
		Semester 2
		SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 1 (3-4 MINGGU)
		Semester 1

Gambarajah 9.0 : Sistem Semester Kolej Vokasional Malaysia

PERSIJILAN PROGRAM SEPENUH MASA

10.0 Jenis Persijilan Kolej Vokasional

- 10.1 Pelajar Sepenuh Masa DVM Kolej Vokasional berpeluang untuk dianugerahkan persijilan berikut :
 - i. Sijil Vokasional Malaysia
 - ii. Diploma Vokasional Malaysia
 - iii. Diploma Kemahiran Malaysia
 - iv. Persijilan Industri/Antarabangsa

- 10.2 Sijil Vokasional Malaysia akan dianugerahkan kepada pelajar Kolej Vokasional yang telah menamatkan program Pra-Diploma dengan mendapat keputusan Lulus Bahasa Melayu, Himpunan Purata Nilai Mata 2.00 bagi semua modul akademik serta kompeten dengan Gred B- bagi semua modul Vokasional
- 10.3 Diploma Vokasional Malaysia akan dianugerahkan kepada pelajar Kolej Vokasional yang telah menamatkan program DVM dengan mendapat keputusan Lulus semua modul Akademik/Insaniah serta kompeten dengan Gred B- bagi semua modul vokasional.

- 10.4 Diploma Kemahiran Malaysia akan dianugerahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia kepada pelajar Kolej Vokasional yang telah mendapat keputusan kompeten dengan Gred B- bagi semua modul vokasional Tahap 1 hingga Tahap 4
- 10.5 Persijilan Industri/Antarabangsa seperti persijilan TWI, City and Guild, LCCI, Suruhanjaya Tenaga, Shell dan lain-lain akan dianugerahkan oleh badan persijilan berkenaan kepada pelajar yang telah memenuhi semua keperluan bagi mendapatkan persijilan berkenaan.

PROGRAM APPRENTICESHIP KOLEJ VOKASIONAL

11.0 Latarbelakang Program Apprenticeship Kolej Vokasional

- 11.1 Program apprenticeship Kolej Vokasional adalah program berasaskan model SLDN Jabatan Pembangunan Kemahiran tetapi diubahsuai mengikut keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 11.2 Melalui kaedah program apprentice KPM, pelajar berpeluang mendapat Sijil Kemahiran Malaysia sehingga Tahap 3 atau persijilan industri yang lain yang diiktiraf mengikut bidang.

12.0 Pelaksanaan Program Apprenticeship

- 12.1 Program Apprenticeship adalah satu konsep latihan yang merangkumi komponen akademik, latihan teori vokasional dan latihan praktikal di industri.
- 12.2 Program apprenticeship boleh dilaksanakan melalui empat (4) model Pelaksanaan seperti diterangkan dalam Jadual 12.0

Model	Tempoh Akademik (Bulan)	Tempoh Teori (Bulan)	Tempoh Amalan Industri (Bulan)	Catatan
A	1	1	3	Berasaskan Semester
B	3	3	6	Berasaskan Tahap dan Tahun
C	6 (Gabungan)		6	Akademik dan Teori Vokasional digabungkan
D	Atas persetujuan bersama tetapi mesti mematuhi Akta 550, Akta 350, Akta 139 dan Akta 652			

Jadual 12.0 Model Pelaksanaan Program Apprentice Kolej Vokasional

- 12.3 Perantis akan menjalani latihan di industri secara *Block Released* mengikut model A, B, C atau D di atas
- 12.4 Program Apprenticeship KPM adalah merupakan satu program peringkat Sijil yang dibangunkan untuk murid yang mempunyai minat dan kecenderungan terhadap kemahiran vokasional dan dilaksanakan secara kerjasama dengan pihak industri.
- 12.5 Pelaksanaan program Apprenticeship melibatkan latihan akademik, latihan teori vokasional dan latihan praktikal. Latihan boleh dilaksanakan di tiga tempat berbeza atau di dalam satu tempat latihan yang sama bergantung kepada kesesuaian.
- 12.6 Program Apprenticeship juga disediakan untuk menangani isu spesifik dan keperluan segera sumber manusia dalam sektor industri .

13.0 Kumpulan Sasaran Program Apprenticeship

- 13.1 Kumpulan sasaran bagi program Apprenticeship adalah untuk pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah yang mempunyai minat dan kecenderungan di dalam bidang vokasional.
- 13.2 Pelajar yang tidak berpeluang untuk mengikuti program Diploma Vokasional Malaysia digalakkan untuk memohon mengikuti program Apprenticeship

14.0 Kurikulum Program Apprenticeship KPM

- 14.1 Pelajar apprenticeship akan didedahkan dan diberi latihan di dalam tiga komponen utama program apprenticeship iaitu komponen akademik, komponen teori/latihan vokasional dan komponen praktikal vokasional.
- 14.2 Kurikulum komponen akademik adalah menggunakan kurikulum Matapelajaran Aliran Kemahiran (MPAK) yang merangkumi empat (4) matapelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Islam/Moral.
- 14.3 Kurikulum komponen latihan teori vokasional pula boleh menggunakan Kurikulum Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) atau Kurikulum SLDN (K-SLDN) mengikut bidang atau kurikulum industri yang diiktiraf mengikut bidang.
- 14.4 Pelaksanaan komponen praktikal pula adalah berdasarkan kepada program berstruktur latihan praktikal mengikut kesesuaian bidang dan tahap berdasarkan garis panduan SLDN atau persijilan industri yang berkenaan.

15.0 PERSIJILAN PROGRAM APPRENTICESHIP

- 15.1 Pelajar yang mengikuti program apprenticeship akan dianugerahkan sijil berdasarkan komponen akademik dan komponen vokasional yang diikuti.
- 15.2 Pelajar akan dianugerahkan Sijil Pelajaran Aliran Kemahiran (SPAK) bagi komponen akademik dengan Lulus Bahasa Melayu
- 15.3 Pelajar program apprenticeship juga akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia mengikut tahap atau Persijilan Industri yang diiktiraf mengikut bidang yang berkenaan bagi pengiktirafan komponen vokasional (latihan teori dan praktikal)

AKREDITASI PROGRAM KOLEJ VOKASIONAL

16.0 Akreditasi Program SVM

- 16.1 Secara keseluruhan, pemastian kualiti program SVM adalah di bawah Lembaga Peperiksaan Malaysia
- 16.2 Komponen Kemahiran di dalam program SVM adalah merujuk kepada kepatuhan keperluan pusat bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

17.0 Akreditasi Program DVM


- 17.1 Secara keseluruhan, akreditasi program DVM adalah merujuk kepatuhan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
- 17.2 Komponen Kemahiran di dalam program DVM adalah merujuk kepada kepatuhan keperluan pusat bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

LALUAN PELAJAR DVM

18.0 Laluan Pelajar

- 18.1 Sasaran laluan pelajar DVM adalah 70 % menceburi bidang pekerjaan, 20 % terus menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan 10 % menceburi bidang keusahawanan.
- 18.2 Pelajar yang telah menamatkan program Diploma Vokasional dengan jayanya berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti-Universiti awam dan swasta di dalam dan di luar negeri.

18.3 KPM telah mengadakan perbincangan dengan universiti-universiti awam dan swasta di dalam dan di luar negeri untuk memberi laluan kepada pelajar Kolej Vokasional melanjutkan pengajian mereka.



Gambarajah 16.0 : Halatuju Pelajar Kolej Vokasional Malaysia

- 18.4 Contoh-contoh universiti awam yang telah mengadakan perbincangan dengan KPM untuk menyediakan laluan kepada pelajar Kolej Vokasional adalah Universiti-universiti MTUN iaitu Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknikal Melaka, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis.
- 18.5 Contoh-contoh universiti swasta yang telah mengadakan perbincangan dengan KPM untuk menyediakan laluan kepada pelajar Kolej Vokasional adalah Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Tun Abdul Razak (UniTAR)
- 18.6 Antara Universiti luar negeri yang telah mengadakan perbincangan dengan KPM adalah Swinburne University of Technology Australia dan Institut-Institut TAFE Australia
- 18.7 Antara tujuan penubuhan Lembaga Teknolojis Malaysia (MBOT) adalah untuk mengiktiraf laluan pelajar pendidikan vokasional
- 18.8 Gambarajah 16.0 menerangkan laluan pendidikan dan kerjaya pelajar pendidikan vokasional.

LALUAN PELAJAR APPRENTICESHIP

19.0 Laluan Pelajar

- 19.1 Sasaran laluan pelajar apprenticeship adalah 100 % menceburi bidang pekerjaan atau keusahawanan di dalam bidang apprenticeship yang diceburi setelah menamatkan program apprenticeship
- 19.2 Pelajar yang berminat untuk menyambung ke peringkat yang lebih tinggi boleh memohon kepada institusi-institusi pengajian dan latihan yang menyediakan pengajian dan latihan pada tahap yang lebih tinggi.
- 19.3 KPM sedang berbincang dengan industri dan institusi-institusi pengajian serta latihan untuk menyediakan laluan kerjaya dan artikulasi pendidikan kepada pelajar apprenticeship KPM.